



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

PROJEK PEMBINAAN SEMULA SEKOLAH DAIF SK BATU PUTIH BARU SANDAKAN DEMI KECEMERLANGAN GENERASI SABAH AKAN DATANG

SANDAKAN, SABAH – Ini adalah lawatan rasmi ketiga Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Haji Ahmad bin Haji Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya ke Negeri Sabah tahun 2025 bagi meninjau pelaksanaan projek pembinaan infrastruktur agar ianya sentiasa 'on-track' dari segi jadual, kualiti dan kos.

2. Bagi lawatan rasmi kali ini, beliau telah meninjau kemajuan pelaksanaan projek pembinaan semula sekolah daif iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Batu Putih Baru, Sandakan. Projek ini dilaksanakan secara reka dan bina dengan Eastbourne Corporation Berhad adalah kontraktor dilantik, manakala Pasukan Projek Khas 2 (PPK2), Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) bertindak sebagai agensi pelaksana.

3. Sekolah ini ditubuhkan sejak tahun 1983 dan kini mempunyai seramai 629 orang murid, 43 orang guru dan 5 orang kakitangan sokongan. Projek ini amatlah perlu dilaksanakan kerana kedaifan bangunan asal yang sudah sangat uzur bagi memastikan ekosistem pembelajaran dan pengajaran yang moden, berkualiti dan kondusif yang memangkin kecemerlangan akademi dan ko-kurikular bagi anak-anak bakal pemimpin akan datang.

4. Dengan kos kontrak bernilai kira-kira RM43.89 juta, projek ini melibatkan kerja meroboh bangunan sedia ada, menaiktaraf dan membina semula blok sekolah yang merangkumi Bangunan Pentadbiran, Bangunan Akademik dengan kapasiti 18 bilik darjah, Pra-Sekolah, Kantin serta kemudahan lain.

5. Projek ini telah dimulakan pada 24 Februari 2025 dan berjalan mengikut jadual dalam tempoh kontrak semasa iaitu 1.50% dan dijangka siap sepenuhnya pada 22 April 2029. Kaedah pembinaan dibuat secara penyiapan sebahagian (*Sectional Completion*) dengan dua (2) fasa seperti berikut:

Fasa 1 – Reka dan Bina Bangunan Baharu dan Kerja-kerja meroboh bangunan sedia ada yang dijangka siap sepenuhnya pada 20 Ogos 2028 dan diserahkan untuk penggunaan

Fasa 2 – Dilaksanakan selepas serahan bangunan baharu yang dah siap diikuti dengan kerja menaik taraf 3 blok sedia ada yang dijangka bermula pada 3 September 2028 dan akan siap pada 22 April 2029

6. KKR ingin menegaskan komitmen kementerian bahawa setiap projek pembinaan infrastruktur termasuk institusi pendidikan hendaklah disiapkan lebih awal mengikut kualiti yang ditetapkan dengan rekod sifar kemalangan di tapak pembinaan. Komitmen ini mencerminkan nilai Malaysia MADANI, khususnya ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampunan bagi memastikan projek infrastruktur rakyat dinikmati rakyat sesegera mungkin khususnya dalam menyediakan akses pendidikan yang lebih baik untuk generasi muda di Sabah.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
18 SEPTEMBER 2025

#KearahKesejahteraanRakyat
#JasaKepadaRakyat
#MYJALAN
#KerajaanMADANI
#MADANIbekerja